

13 calon Datuk Kelana ke-10

29.4.87

SEREMBAN, Isnin — Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang sudah mengemukakan senarai 13 calon Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10. Jurucakap mereka ber-

kata senarai calon itu dihantar kepada Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong, Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin awal tahun lalu.

Katanya, yang mereka pertikalkan sekarang ialah mengapa Datuk Andika Mendelika Fadzil

'membenamkan' senarai itu ketika membincangkan pemilihan Datuk Kelana ke-10.

"Datuk Andika Mendelika Fadzil memeranjatkan kami apabila beliau mengumumkan perantikan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai Datuk Kelana ke-10 tanpa mengambil kira calon-calon yang mewakili Rumpun Tinggang," katanya.

Jurucakap itu mendakwa ada unsur 'pilih kasih' dalam pemilihan Raja Abdul Rahim sebagai Datuk Kelana ke-10 dan ini menyebabkan sehingga ini dewan belum membuat keputusan mengenai pemilihan itu.

Sementara itu, jurucakap yang mendakwa mewakili Rumpun Dusun dan Nyonyol pula berkata mereka juga mengemukakan senarai calon kepada dewan.

Seorang jurucakap yang mewakili anak-anak Waris Perut Hillr juga mendakwa mereka juga bercadang mengemukakan satu senarai calon Datuk Kelana ke-10 kepada dewan.

Aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan pesaka Datuk Kelana hendaklah digilirkan di kalangan anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillr.

Undang Luak Sungai Ujong kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid daripada Perut Hillr.